

Masalah hubungan dengan China

PM: Kita

BM 24 NOV 1985

berhati-hati

over

BEIJING, Sabtu — Malaysia akan terus mengambil sikap berhati-hati dalam hubungannya dengan China kerana tidak mahu terperangkap tanpa bersedia jika berlaku sebarang perubahan dasar di China, tegas Datuk Seri **Dr Mahathir Mohamad**.

Katanya, walaupun pendekatan dan dasar China sekarang menyeronokkan Malaysia, langkah berjaga-jaga masih perlu supaya Malaysia lebih bersedia jika China bertindak mengubah dasarnya.

Bercakap dalam sidang akhbar dengan wartawan asing di De-

Oleh **AHMAD NAZRI ABDULLAH**

wan Besar Rakyat hari ini, Perdana Menteri menegaskan, perasaan syak wasangka dan bimbang tetap wujud dalam perhubungan dengan mana-mana negara, tetapi ini tidak bermakna menghalang hubungan berbaik-baik.

"Setiap negara akan berubah, begitu jugalah China yang terbukti mengalami beberapa perubahan sebelum ini. Mungkin 10 tahun atau 20 tahun akan datang dasar China akan berubah lagi," ujarnya.

"Walaupun kepimpinan China hari ini memberi jaminan bahawa dasar mereka tidak berubah, tidak siapa

yang boleh menjamin apa yang akan dilakukan oleh pemimpin-pemimpin China yang akan datang.

"Sebab itulah kita perlu berhati-hati dan mengawasi sebarang perkembangan supaya kita dalam keadaan lebih bersedia jika China mengubah dasarnya," ujar Perdana Menteri.

Menurutnya, kerana sikap yang teliti inilah Malaysia mengadakan hubungan diplomatik pada tahun 1974 kerana Malaysia sedar China akan berubah.

Menjawab satu pertanyaan, Perdana Menteri berkata, isu-isu pokok seperti hubungan Parti Ko-

munis China (CCP) dengan Parti Komunis Malaysia (PKM) bukanlah menjadi perkara utama dalam perbincangannya dengan pemimpin-pemimpin China.

"Bagaimanapun ini tidak bermakna isu itu sudah tamat. Keduaduanya tetap sama kerana tidak ada jaminan yang PKM tidak akan mendapatkan bantuan CCP. Kami senang dengan pendirian China dalam hal ini tetapi tidak senang dengan pendirian PKM," ujarnya.

Perdana Menteri menegaskan lawatan beliau ke China lebih tertumpu kepada bidang ekonomi kerana banyak perkara yang boleh diselesaikan melalui kerjasama dua hala dan serantau.

China, katanya, bersetuju mengadakan perdagangan langsung kerana ini menguntungkan kedua-dua pihak daripada melalui orang tengah di Hong Kong atau Singapura.

Begitu juga mencadangkan kerjasama perkapalan dan meminta China memajakkan ruang kargonya kepada Malaysia kerana ini lebih menguntungkan daripada kedua-dua pihak membesarkan perkapalan masing-masing.

China bersetuju dengan cadangan itu dan bersedia untuk menyokong langkah selanjutnya bagi meningkatkan perdagangan dua hala.

China juga, katanya, mengalu-alukan langkah perdagangan timbal balas bagi mengatasi masalah kekurangan pertukaran asing yang dihadapi oleh kedua-dua negara.

Kita membeli barangan China dengan banyak dan China boleh menggunakan wang itu untuk membeli barangan Malaysia.